

BAB IV

ANALISIS ISU-ISU BERBANGKIT BERKAITAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH ACEH

4.1. Pengenalan.

Indonesia mempunyai mempunyai beberapa sistem mahkamah, iaitu Mahkamah Agung, Mahkamah Konstitusi dan Mahkamah Yudisial. Setiap mahkamah tersebut mempunyai tugas dan bidang kuasa yang berbeza. Mahkamah Agung pula mempunyai empat mahkamah yang berada di bawah pentadbirannya, iaitu Pengadilan Negeri, Pengadilan Agama , Pengadilan Militar dan Pengadilan Tata Usaha Negara.¹

Mahkamah Konstitusi dan Mahkamah Yudisial hanya mempunyai satu peringkat sahaja; tidak ada struktur di bawahnya. Ini bermakna keputusan yang dikeluarkan oleh kedua mahkamah tersebut tidak boleh dibuat rayuan. Sedangkan Mahkamah Agung merupakan mahkamah rayuan bagi keempat-empat mahkamah yang berada di bawahnya.

Kerajaan Aceh merupakan salah satu negeri yang berada di bawah pentadbiran kerajaan Indonesia yang mempunyai dua sistem perundangan dan juga mahkamah, di mana adanya Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Dan juga bidang kuasa yang dimiliki oleh pengadilan Agama di Aceh sama dengan bidang kuasa pengadilan di negeri-negeri lain di Indonesia.

¹ Drs. Cik Hasan Bisri (2003), *Peradilan Agama di Indonesia*. Jakarta: PT RajaGrafindo, h.159.

Pengadilan Sivil masih tetap wujud sampai sekarang di Aceh, sedangkan Pengadilan Agama telah diubah nama menjadi Mahkamah Syariah dengan bidang kuasa lebih luas.

Bidang kuasa pengadilan Agama (sebelum diubah nama menjadi Mahkamah Syariah) sangat terhad, iaitu perkahwinan, pewarisan, wasiat, hibah, wakaf dan sedekah.² Perubahan bidangkuasa terjadi setelah Aceh memperolehi kuasa autonomi khusus dan merubah nama pengadilan Agama kepada Mahkamah Syariah pada tahun 2003.³ Bidang kuasa Mahkamah Syariah setelah mendapat kuasa autonomi khusus meliputi *al-ahwāl al-ṣyakhshiyah*, muamalah dan jenayah.⁴

Dalam bab ini pengkaji akan mengkaji empat isu pokok yang berkaitan dengan bidang kuasa iaitu pertama, Mahkamah Syariah tidak boleh dikuatkuasakan dengan sempurna kerana bertentangan dengan undang-undang nasional. Kedua, konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Ketiga keputusan Mahkamah Syariah boleh terbatal apabila dirayu ke Mahkamah Agung kerana masyarakat masih lagi mempunyai peluang untuk melakukan semakan kehakiman (*judicial review*) terhadap kanun yang tidak disukai kepada Mahkamah Agung. Keempat, orang bukan Islam yang melakukan kesalahan syariah di wilayah Aceh tidak dikuatkuasakan undang-undang Islam.

² Drs. Cik Hasan Bisri (2003), op.cit., h.233.

³ Drs. H.A. Basiq Djalil (2006), *Peradilan Agama Si Indonesia: Gemuruhnya Politik Hukum (Hukum Islam, Hukum Barat dan Hukum Adat) Dalam Rentang Sejarah Bersama Pasang Surut Lembaga Peradilan Agama Hingga Lahirnya Peradilan Syariat Islam Aceh*. Jakarta: Kencana, h. 170.

⁴ Prof. Dr. al-Yasa Abu Bakar(2005), *Bunga Rampai Pelaksanaan Syariat Islam (Pendukung Kanun Pelaksanaan Syariat Islam*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi NAD, h. 116.

4.2. Mahkamah Syariah Tidak Boleh Berjalan Dengan Sempurna Kerana Bertentangan Dengan Undang-Undang Nasional.

Kewujudan Mahkamah Syariah di Aceh tidak bebas sepenuhnya kerana ia berada di bawah struktur Mahkamah Agung. Ini bererti Mahkamah Syariah masih berada dalam sistem undang-undang nasional. Sedangkan sistem nasional Indonesia tidak berdasarkan kepada undang-undang Islam.

Wujud kerisauan dalam melaksanakan syariah Islam secara menyeluruh di Aceh. Hal ini disebabkan kewujudan Mahkamah Syariah masih berada di bawah undang-undang yang tidak berdasarkan Islam. Mereka bimbang terjadi konflik antara keduanya, dan akhirnya bidangkuasa yang ada pada Mahkamah Syariah tidak boleh dilaksanakan kerana bertentangan dengan undang-undang nasional.

Menurut pendapat Encik Damanhur Abbas, LC, MA, penerapan syariat Islam di Aceh tidak akan berjalan secara *kaffah* (menyeluruh) kerana mempunyai dua sistem perundangan yang berbeza dalam satu negara, undang-undang Islam dan undang-undang nasional. Berbeza dengan beberapa negara yang menerapkan syariat Islam seperti Iran dan Arab Saudi. Mereka mempunyai sistem perundangan negara Islam sedangkan Indonesia, perlembagaan negaranya adalah Pancasila.⁵

Azyumardi Azra, mantan Rektor Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta ketika memberikan ucapan dalam Seminar "60 Tahun

⁵ Damanhur Abbas, Ketua Pusat Penelitian Keislaman dan Pensyarah Universiti Malikussaleh Lhokseumawe, Aceh. Temubual pada 26 April 2011 di Lhokseumawe, Aceh.

*Peringatan Hari Lahir Dasar Negara Indonesia*⁶ menyatakan Kanun Peraturan-Peraturan Daerah Syariat Islam itu membimbangkan.⁷

Selanjutnya beliau juga mengatakan *peraturan daerah* syariat tersebut harus dilihat secara undang-undang. Apabila *perda* tersebut banyak yang bertentangan dengan undang-undang, maka sebaiknya dimansuhkan. Beliau juga mengingatkan kembali pentingnya *revitalisasi* Pancasila kerana sejak Indonesia merdeka hingga ke saat ini, Pancasila masih sesuai bagi masyarakat Indonesia yang mempunyai pelbagai ideologi.⁸

Namun Menurut Setiausaha Mahkamah Syariah Kota Lhokseumawe, Drs. H. Sirajuddin, beliau menyatakan pelaksanaan syariat Islam di Aceh tidak bertentangan dengan undang-undang nasional. Bahkan Pancasila sebagai asas negara Indonesia memperakuinya, yang mana disebutkan dalam Fasal Pertama ketuhanan Yang Maha Esa, bahkan seluruh negeri di Indonesia boleh melaksanakan syariat Islam.

Prof. Dr. al-Yasa' Abu Bakar, Pengarah Pasca Siswazah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Aceh dan juga bekas Ketua *Dinas Syariat Islam* Aceh⁹, berpendapat bahawa untuk melaksanakan syari'at Islam tidak mesti negara itu adalah Negara Islam. Misalnya Arab Saudi, di mana dalam pandangan beliau bukan negara Islam sebab sistem pemerintahannya berbentuk kerajaan, tetapi masih boleh melaksanakan undang-undang Islam. Bahkan negara seperti Pakistan yang dikatakan negara Islam

⁶ Seminar ini bertempat di Auditorium Bumiputera FISIP UI, Depok, Jawa Barat, pada hari Rabu 31hb Mei 2006.

⁷ Perda adalah singkatan daripada peraturan daerah. Khusus di Aceh ia disebut kanun.

⁸ Kompilasi Riset, http://komplasiriset.blogspot.com/2007_02_09_archive.html, 1 januari 2012.

⁹ Dinas Syariat Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

juga keadaan negaranya tidak lebih baik. Jadi untuk melaksanakan syariat Islam tak mesti sesebuah negara itu Negara Islam. Dan pada ketika ini tidak ada negara Islam yang sebenarnya dapat dijadikan contoh sebagai negara Islam di dunia ini.¹⁰

Pengkaji melihat persoalan ini membimbangkan, walaupun Setiausaha Mahkamah Syariah kota Lhokseumawe mengatakan pelaksanaan undang-undang Islam di Aceh tidak bertentangan dengan hukum nasional Indonesia, namun ini belum boleh dipastikan. Seperti kes bendera Aceh, dimana pada tarikh 22 bulan mac 2013 dewan undangan Negeri Aceh telah mensahkan satu bentuk bendera khas Aceh,¹¹ namun Menteri dalam negeri Indonesia meminta kepada pemerintah Aceh dan dewan undangan Negeri Aceh untuk merubah bentuk bendera kerana dianggap sama dengan bendera bekas pemberontak Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dan bertentangan dengan hukum nasional.¹²

Ini menjadi bukti kalau kekhususan Aceh tidak menjamin Aceh boleh membuat sesuai keinginannya, namun tetap harus sesuai dengan kehendak pemerintah di Jakarta dengan alasan hukum nasional.

Sehingga pengkaji berpendapat pemerintah Indonesia perlu membuat pernyataan khusus dan jelas dimana pemerintah pusat memberikan kebebasan kepada Aceh melaksanakan undang-undang Islam secara kaffah dan tidak mempersoalkan kanun-kanun yang telah disahkan. Sehingga konflik kes bendera Aceh tidak terulang pada kes kanun-kanun Islam.

¹⁰ Prof. Dr. al-Yasa' Abu Bakar, Pengarah Pasca Siswazah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Aceh Temubual pada 1 November 2011 di Banda Aceh.

¹¹ Akhbar Harian Serambi Indonesia, 23 Mac 2013: I” DPRA Sahkan Bendera Aceh”

¹² Harian akhbar Republika, 01 April 2013:1 “Mendagri Minta Pemerintah Aceh Ubah qanun”

Yang kedua pengkaji berpendapat Mahkamah Syariah di Aceh dipisahkan dari struktur Mahkamah Agung Indonesia, sebaiknya ia dibawah pentadbiran pemerintah Aceh. Dan juga mahkamah rayuan tidak perlu lagi kepada Mahkamah Agung di Jakarta, mahkamah rayuan akhir sepatutnya di Aceh sahaja, iaitu Banda Aceh sebagai ibukota Aceh.

Ini juga bersesuaian dengan pendapat Setiausaha Mahkamah Syariah Lhokseumawe Drs. H. Sirajuddin, dalam temubual dengan beliau, beliau mengatakan sebaiknya Mahkamah Syariah Aceh dipisahkan dari struktur Mahkamah Agung dan tidak perlu lagi membuat rayuan akhir ke Jakarta.¹³

Ini memberi bukti bahwa sebenarnya Setiausaha Mahkamah Syariah kota Lhokseumawe sebenarnya bimbang akan masa depan pelaksanaan syariat Islam di Aceh bila pemerintah Indonesia tidak memberikan kebebasan penuh. Dimana pada satu sisi memberikan kebebasan melaksanakan syariat Islam namun disisi yang lain tidak melepaskan struktur Mahkamah Agung, sehingga kontrol pemerintah pusat masih sangat kuat. Tidak mustahil pada suatu masa nanti Mahkamah Agung akan mempersoalkan kanun-kanun syariat Islam di Aceh.

Ini bukan tanpa alasan, sebab Aceh sudah beberapa kali diberikan perlakuan istimewa, namun pada akhirnya keistimewaan itu tidak wujud, sebab Indonesia tidak melepaskan sistem perundangan dan mahkamah secara mutlak.

¹³ Drs. H. Sirajuddin, Setiausaha Mahkamah syariah Kota Lhokseumawe, Aceh. Temubual pada 5 April 2011 di Lhokseumawe, Aceh.

4.3. Mahkamah Agung Sebagai Mahkamah Rayuan Boleh Membatalkan Keputusan Mahkamah Syariah Di Aceh.

Mahkamah Agung merupakan mahkamah rayuan bagi semua mahkamah yang berada di bawah struktur pentadbirannya, termasuk Mahkamah Syariah Aceh. Apabila pihak tertuduh tidak berpuas hati dengan sebarang keputusan Mahkamah Syariah Aceh dia boleh membuat rayuan ke mahkamah ini.

Ini sangat membimbangkan, kerana Mahkamah Agung Indonesia bukan Mahkamah Syariah. Drs. Asnawi Abdullah, MA mengatakan seharusnya rayuan akhir bagi kes-kes yang berasal dari Mahkamah Syariah Aceh cukup pada Mahkamah Syariah di Aceh sahaja, sehingga tidak membuka kesempatan kepada Mahkamah Agung untuk membatalkan keputusan dari Mahkamah Syariah Aceh.¹⁴

Lagi pula majoriti penduduk Indonesia tidak setuju pelaksanaan syariat Islam dijadikan sebagai undang-undang negara, mereka lebih melihat kalau amalan Islam itu hak Individu, tidak perlu masuk dalam perlembagaan rasmi negara. Tentu ini menjadi beban bagi Mahkamah Agung untuk menyokong semua keputusan dari Mahkamah Syariah Aceh, terutama yang berkenaan dengan jenayah.

Disisi lain, membuat rayuan ke Mahkamah Agung akan memperlambat pelaksanaan hukuman bagi yang telah ditetapkan bersalah oleh Mahkamah Syariah Aceh. Seperti yang terjadi pada kes kes khalwat Teuku Zainal Abidin Bin Teuku Muhammad Ali (TZ) dengan Cut Meurah Radiah Binti Teuku Hanafiah (CM) yang

¹⁴ Drs. Asnawi Abdullah, MA, Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama kota Lhokseumawe Aceh dan Pensyarah pada Sekolah Tinggi Agama Islam Malikussaleh, Lhokseumawe, Aceh. Temubual pada 13 Jun 2012 di Lhokseumawe, Aceh.

telah diputuskan bersalah oleh Mahkamah Syariah kota Lhokseumawe pada tarikh 8 Mei tahun 2006. Mereka diputuskan sebat sebanyak lima kali seorang, mereka tak terima lalu membuat rayuan kepada mahkamah Syariah Banda Aceh dan ke Mahkamah Agung, namun sampai sekarang mereka belum dihukum sebat dan orang sudah banyak lupa akan kes ini.¹⁵

4.4. Masyarakat Masih lagi Mempunyai Peluang Untuk Melakukan Semakan kehakiman (*Judicial review*) Terhadap Kanun Undang-Undang Islam Yang Tidak Disukai kepada Mahkamah Agung.

Perkara yang perlu ditakutkan adalah apabila sebahagian masyarakat tidak bersetuju dengan kanun undang-undang Islam yang telah diluluskan oleh pemerintah dan mereka boleh melakukan semakan undang-undang (*judicial review*) kepada Mahkamah Agung. Dan Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa untuk menerima atau menolak permohonan masyarakat tersebut.

Kanun tentang syariat Islam dibuat oleh anggota Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA), di mana mereka adalah wakil daripada rakyat Aceh. Namun demikian kanun yang digubal oleh mereka masih lagi membuka peluang kepada rakyat atau pemerintah untuk tidak bersetuju atau menolak.

Dalam Fasal 235(2) Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang pemerintahan Aceh memperuntukkan bahawa pemerintah dapat membatalkan kanun yang bertentangan dengan :

- a. *Kepentingan Umum.*
- b. *Antara kanun, dan*

¹⁵ Keterangan Hamdani, kakitangan Mahkamah Syariah kota Lhokseumawe, Aceh. Temubual pada 5 Jun 2011 di Lhokseumawe, Aceh.

- c. *Peraturan perundang-undangan yang lebih tinggi, kecuali diatur lain dalam Undang-Undang ini.*

Pemerintah di sini bermaksud pemerintah pusat iaitu Presiden Republik Indonesia. Dalam Fasal di atas secara jelas menyebutkan pemerintah mempunyai bidangkuasa untuk membatalkan undang-undang bukan hanya di Aceh tetapi di seluruh negeri di Indonesia.

Namun secara khususnya, pemerintah tidak boleh membatalkan secara langsung kanun tentang syariat Islam tetapi harus melalui Mahkamah Agung setelah dilakukan semakan undang-undang (*Judicial review*). Ini sebagaimana terdapat dalam Fasal 235 (4) Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang pemerintahan Aceh, iaitu :

Kanun sebagaimana dimaksud pada ayat (3) yang mengatur tentang pelaksanaan syari'at Islam hanya dapat dibatalkan melalui uji materi oleh Mahkamah Agung.

Sampai saat ini belum ada satu kanun yang dilakukan semakan kehakiman di Mahkamah Agung, namun demikian, namun hal tersebut boleh terjadi bila-bila masa, kerana perkara ini dibenarkan oleh undang-undang.

4.5. Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah Dengan Mahkamah Sivil.

Setiap institusi mahkamah mempunyai bidang kuasa sendiri yang telah ditentukan oleh pemerintah atau Parlimen. Namun demikian ada beberapa perkara yang bidang kuasanya bertindih iaitu bidang kuasa sesuatu peruntukan undang-

undang bagi sebuah mahkamah disebutkan juga dalam institusi mahkamah lain, sehingga memungkinkan terjadi konflik bidang kuasa antara dua mahkamah.

Mahkamah Syariah Aceh baru memiliki beberapa kanun sahaja. Mahkamah hanya boleh melaksanakan undang-undang yang telah ada kanun sahaja walaupun memiliki bidang kuasa yang luas. Sampai hari ini semua kanun tersebut tidak menimbulkan konflik bidang kuasa.

Kanun-kanun yang berhubungkait dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah Aceh yang telah diluluskan adalah:

1. Kanun No. 11 Tahun 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam bidang akidah, ibadah dan syariat Islam.
2. Kanun No. 12 Tahun 2003 tentang *khamar* (arak) dan minuman sejenisnya.
3. Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang *maisir* (perjudian).
4. Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang *khalwat* (*mesum*).
5. Kanun No. 7 Tahun 2004 tentang pelaksanaan zakat.
6. Kanun No. 11 Tahun 2004 tentang bidang tugas anggota polis.

Pada tahun 2009 Parlimen Aceh mengeluarkan Kanun Jenayah baru yang berkaitan dengan pelaksanaan syariat Islam. Dengan ini, kanun-kanun sebelumnya dimansuhkan. Hakikatnya, kanun-kanun tersebut belum dikuatkuasakan, sebab masih terjadi konflik antara gabenor dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) tentang salah satu kanun iaitu kanun tentang perzinaan. Kanun Jenayah tersebut

memperuntukkan tentang *jarimah* dan ‘*uqubat* (denda) *khamar*, *maisir*, *khalwat*, *ikhtilath*, *zina*, gangguan seksual, perkosaan, qazaf, liwat dan *musahaqah*.¹⁶

Mengenai isu konflik bidangkuasa, Prof. Dr. al-Yasa’ Abu Bakar menilai, sepatutnya konflik itu tidak terjadi kalau semua pihak mengikuti peraturan sedia ada. Namun beliau juga tidak menolak kemungkinan juga konflik itu akan terjadi.¹⁷

Sampai saat ini pengkaji belum menemui kes yang berkaitan dengan pertindihan bidang kuasa. Ini disebabkan oleh Mahkamah Syariah masih baru lagi dan belum begitu banyak kes yang diterima.

Apabila konflik bidang kuasa itu benar-benar terjadi, maka mahkamah yang kedudukannya di atas mahkamah tersebut berhak memutuskan, sebagaimana yang terdapat dalam Hukum Acara yang sedang dikaji. Dalam Fasal 86 yang membahas tentang konflik bidang kuasa menjelaskan sebagai berikut:

(1) *Mahkamah Syariah Aceh memutus sengketa wewenang mengadili antara dua Mahkamah Syariah atau lebih.*

(2) *Mahkamah Agung memutus pada tingkat pertama dan terakhir terhadap semua sengketa kewenangan mengadili antara Mahkamah Syariah dengan pengadilan dalam lingkungan peradilan lainnya.*

¹⁶ Rancangan Kanun Jinayat, Acehnese Civil Society Task Force, <http://acstf.org/wp-content/uploads/2009/10/final-rancangan-kanun-jenayah-setelah-panmus-kamis-17-09-09.pdf>, 13 April 2011.

¹⁷ Prof. Dr. al-Yasa’ Abu Bakar, Pengarah Pasca Siswazah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Aceh, Temubual pada 1 November 2011 di Banda Aceh.

Dengan demikian, pengkaji berpendapat tidaklah menjadi persoalan yang besar apabila konflik bidangkuasa antara dua mahkamah itu terjadi, sebab telah ada Hukum Acara yang memperuntukkan siapa yang berhak memutuskan.

4.6. Orang Bukan Islam Yang Melakukan Kesalahan Syariat Di Wilayah Aceh.

Aceh merupakan sebuah negeri yang penduduknya terdiri daripada pelbagai agama. Islam tersebar ke Aceh pada tahun 674 Masehi atau kurun pertama Hijrah.¹⁸ Sebelum kedatangan Islam, penduduk Aceh sudah dipengaruhi oleh agama Hindu¹⁹ bahkan adat kebiasaan orang Hindu masih berbekas dalam kehidupan dan adat istiadat orang Aceh.

Selain agama Islam, terdapat beberapa jenis agama lain seperti Kristian, Hindu, Buddha dan Konghucu. Masyarakat Kristian umumnya mendiami di perbatasan Aceh dengan Sumatera Utara, Medan. Sedangkan ugama Buddha dan Konghucu umumnya dianut oleh orang Cina yang telah menetap di Aceh. Namun majoriti penduduk Aceh adalah Islam, mencapai sembilan puluh sembilan koma delapan puluh lima peratus (99.85 %).²⁰

¹⁸ Mohammad Said (____), *Aceh sepanjang abad*. Medan: Harian Waspada Medan, hh. 60-63.

¹⁹ Ibid, h. 21.

²⁰ Sejarah Aceh, <http://id.wikipedia.org/wiki/Aceh>, 6 Disember 2010.

Pada peringkat awal pelaksanaan syariat Islam, golongan bukan Islam berasa cemas dan takut, sebab sebahagian mereka menyangka syariat Islam akan dikuatkuasakan kepada seluruh penduduk di Aceh termasuk orang bukan Islam. Di antara ketakutan mereka adalah mereka akan diusir dari Aceh, wajib bertudung, dikenakan hukuman potong tangan kalau mencuri, dipaksa memeluk Islam dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, pada tarikh 16 Januari 2002 apabila sebuah persatuan orang Kristian iaitu Majelis Permusyawaratan Gereja (MPG) Aceh mengirim surat kepada Gabenor Aceh supaya menyemak kembali pelaksanaan syariat Islam khususnya yang berkaitan orang Kristian di Aceh.

Di antara kebimbangan orang Kristian berdasarkan surat tersebut adalah tentang hak-hak asasi orang bukan Islam dan mereka mengharapkan untuk tidak membabitkan pihak berkuasa (tentera dan polis) dalam pelaksanaan syariah Islam. Sebab bimbang terjadi keganasan atas nama agama.²¹

Mereka merasa gembira kerana mendapat jawapan dari pemerintah Aceh bahawa undang-undang Islam diperuntukkan kepada orang Islam sahaja, sedangkan bagi yang bukan Islam masih tertakluk dan tunduk kepada undang-undang Mahkamah Sivil.²²

²¹ Rujuk Surat Majelis Permusyawaratan Gereja NAD. 16 Januari 2002.

²² Lihat Fasal 25 (3) Undang-Undang Republik Indonesia No. 18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus Daerah Istimewa Aceh Sebagai Provinsi Nangroe Aceh Darussalam.

Berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh orang bukan Islam, kita boleh meihat kes khalwat Giuseppe dan Wardiana pada tahun 2007.²³ Giuseppe (30) merupakan warga Itali dan bukan beragama Islam. Ia berkerja sebagai *Technical Assistant* bagi sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sedangkan Wardiana rakyat Aceh beragama Islam. Keduanya telah didapati melakukan khalwat di Kota Bireun (salah satu daerah di Aceh). Bersama mereka ditemui tiga botol minuman arak serta satu paket ganja seberat 25 gram.

Ketua Polis daerah Bireuen, AKBP Drs Yanto Tarah menyatakan Giuseppe akan dituduh di bawah Fasal 78 Undang-undang No. 22 tahun 1997, tentang penyalahgunaan dadah oleh warga asing dengan hukuman 10 tahun penjara jika disabitkan. Sebaliknya, Wardiana akan dituduh di bawah peruntukan Kanun Syariat Islam No. 14/2003 berhubung kesalahan berkhalwat.²⁴

Dalam kes ini jelas membuktikan Giuseppe sebagai orang bukan Islam tidak dituduh di bawah kanun syariah Islam, dia tidak dituduh dengan menggunakan kanun tentang khalwat. Sedangkan Wardiana seorang beragama Islam maka ia dituduh di bawah Kanun Jenayah Islam.

Dalam menyikapi perkara ini, DR. Syukri, MA, pegawai badan Dinas Syariat Islam Aceh menyatakan, sepatutnya semua orang yang membuat kesalahan syariah

²³ Kes ini tidak ada nombor mahkamah, sebab tidak didakwa di mahkamah.

²⁴ Mesum, Warga Italia diciduk, Akhbar Rakyat Aceh, <http://www.rakyataceh.com/index.php?open=view&newsid=598&tit=Berita%20Utama%20%20Mesum.%20Warga%20Italia%20Diciduk>, 14 April 2011.

di Aceh dihukum dengan hukuman yang sama, baik ia orang Islam maupun orang bukan Islam. Beliau juga menambah, sebenarnya pada tahap awal penggubalan kanun syariah Islam sudah membicarakan tentang hukuman bagi orang bukan Islam, namun dalam perbincangan lanjutan, banyak pihak yang risau apabila orang asing bukan Islam dihukum dengan kanun yang sama.²⁵

Beliau juga memetik pandangan Dr. Wahbah Zuhaili, seorang Ulama Syria bahawa semua orang tertakluk pada kanun syariat Islam yang sama pada suatu wilayah. Pendapat ini beliau kemukakan ketika menghadiri sebuah acara di Banda Aceh.

Pengkaji berpendapat seharusnya orang bukan Islam yang berada di wilayah Aceh bila melakukan kesalahan dihukum dengan menggunakan kanun undang-undang Islam di Mahkamah Syariah bukan menggunakan undang-undang nasional di mahkamah Sivil. Sehingga keadilan hukum terwujud, dan orang-orang bukan Islam tidak sesuka hati melakukan kesalahan.

Bila menggunakan undang-undang nasional pada Mahkamah Sivil, maka boleh dipastikan mereka terbebas dari hukuman, sebab undang-undang nasional Indonesia tidak mengatur tentang kesalahan-kesalahan syariah Islam. Dengan demikian mereka bebas dan ini akan memberi kesan tidak baik pada pelaksanaan syariat Islam di Aceh, seperti yang telah kita lihat pada kes khalwat Giuseppe dan Wardiana pada tahun 2007, diamana Giuseppe yang bukan Islam tidak dikenakan

²⁵ DR. Syukri, MA, pegawai Badan Dinas Syariat Islam Aceh. Temubual pada 13 Jun 2012.

kanun khalwat, kanun khalwat hanya berlaku kepada Wardiana yang beragama Islam.

4.7. Kekangan Yang Dihadapi Oleh Mahkamah Syariah.

Pada bahagian ini pengkaji akan menyentuh beberapa perkara sampingan tetapi sangat relevan dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Syariat Islam berdasarkan bidang kuasa yang telah dianugerahkan kepada Aceh. Beberapa isu yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut :

4.7.1. Mahkamah Syariah Belum Memiliki Hukum Acara (Prosedur).

Hukum Acara (prosedur) merupakan peraturan yang menjelaskan secara lengkap tentang proses dakwaan sehingga hukuman yang akan dikenakan kepada terdakwa.

Tanpa Hukum Acara yang cekap, maka pihak yang berkuatkuasa dalam menegakkan undang-undang akan mengalami kesulitan. Untuk mensabitkan undang-undang *materiil* jenayah, maka Hukum Acara Jenayah diperlukan. Manakala untuk undang-undang *materiil* muamalat, maka Hukum Acara Muamalat diperlukan. Sementara bagi undang-undang *materiil* Tata Usaha Negara, maka Hukum Acara Tata Usaha Negara diperlukan.

Pemerintah Aceh telah menggubal Hukum Acara Jenayah, namun sampai saat ini belum dapat dilaksanakan sebab masih terjadi perbezaan pendapat tentang

sebat dan rejam bagi yang melakukan kesalahan jenayah zina. Sampai saat ini Mahkamah Syariah masih tertakluk kepada Hukum Acara Jenayah umum iaitu Kitab Undang-undang Hukum Acara Pidana (KUHAP). Ini menimbulkan kesukaran dalam pelaksanaan undang-undang. Sepatutnya setiap undang-undang memiliki Hukum Acara sendiri, sehingga sistem perundangan boleh dilaksanakan dengan baik.

4.7.2. Penahanan

Penahanan bermaksud tertuduh yang dalam proses perbicaraan di mahkamah tidak melarikan diri supaya dapat dibawa ke mahkamah apabila dipanggil.

Dalam kes jenayah di Aceh, pendakwa belum mempunyai kuasa untuk menahan tertuduh, hinggakan ada sebahagian tertuduh tidak dapat dihadirkan ke mahkamah kerana telah lari ke daerah lain.

Contohnya kes *maisir* No. 05/30 September 2010 di Mahkamah Syariah Lhokseumawe. Pada hari pendakwaan, tertuduh gagal menghadirkan diri. Ini menyebabkan hakim tidak dapat memulakan perbicaraan dan akhirnya fail kes tersebut dikembalikan kepada pendakwaraya.

Apabila peraturan tentang penahanan ini tidak dibuat segera, maka kemungkinan tertuduh dalam berbagai kes jenayah mengambil kesempatan gagal

menghadirkan diri ke mahkamah apabila disaman. Sehingga menyebabkan pelaksanaan undang-undang Islam di Aceh tidak dapat berjalan dengan baik.

4.7.3. Ketiadaan Dana Dalam Proses Pelaksanaan Hukuman.

Dana sangat diperlukan dalam proses pelaksanaan hukuman bagi mereka yang telah ditetapkan hukuman oleh Mahkamah. Dana tersebut diperuntukkan untuk menyediakan tempat pelaksanaan hukuman, pasukan perubatan seperti doktor dan jururawat dan juga keperluan-keperluan lainnya.

Bila dana untuk keperluan tersebut tidak ada, maka pelaksanaan hukuman tidak dapat dilakukan. Seperti yang terjadi pada Mahkamah Syariah Meulaboh.²⁶ Drs Hasballah, Ketua Dinas Syariat Islam dan Pemberdayaan Dayah di Aceh Barat, beliau mengatakan pada bulan Oktober 2010 telah diputuskan untuk melaksanakan hukuman sebat kepada 13 orang dalam pelbagai kes jenayah pada 3 Disember 2010. Namun hukuman tersebut tidak dapat dilaksanakan sebab ketiadaan dana.

4.8. Kesimpulan

Mahkamah Syariah di Aceh diberikan bidang kuasa lebih luas berbanding negeri lain di Indonesia. Bentuknya yang khas dan bidang kuasanya yang luas memberikan beberapa kesan.

²⁶ Meulaboh adalah nama salah satu daerah bagian barat Aceh.

Pengkaji telah mengkaji beberapa isu-isu berbangkit berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah di Aceh. Dari semua isu yang berbangkit tersebut perlu perhatian pemerintah Aceh dan juga golongan akademik untuk merumuskan kembali pelaksanaan undang-undang Islam di Aceh yang baik dan tak dapat diubah oleh lembaga manapun di Indonesia.

Situasi-situasi yang membuatkan pelaksanaan syariah Islam di Aceh tidak menunjukkan perkembangan yang lebih baik antara lain disebabkan oleh kurangnya perhatian yang diberikan oleh pemerintah Aceh, seperti kelewatan meluluskan Hukum Acara Jenayah, tidak memberikan dana kepada badan pendakwaraya dan kurang pengawasan terhadap kesalahan syariah Islam yang berlaku di Aceh.